



Kamisah menyampaikan ucapan.

Jabatan Pembangunan UMS adakan perhimpunan bulanan

UB 01.03.2012 BT

KOTAKINABALU: Majlis perhimpunan staf Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berlangsung di pejabat jabatan itu kelmarin.

Perhimpunan awal tahun itu adalah bagi mendengar amanat Pengarah JPP, Ir Mohd Roslee Mohd Ali Leeserta mengalu-alukan kehadiran staf baru.

Beliau meminta semua staf JPP dapat menggembung tenaga dengan bekerja lebih tekun dalam apa juga tugas yang diberikan dalam menjaga nama baik jabatan khususnya di UMS.

Katanya, usaha yang lebih gigih serta memberikan tumpuan kerja yang prihatin akan memberikan satu hasil kerja yang bermutu.

"Ianya amat bersesuaian dengan visi Perdana Menteri bagi melahirkan kepimpinan yang membawa pendekatan baru untuk melahirkan sebuah generasi yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan awam," katanya.


Tambahnya, bersesuaian

dengan tema Mauludir Rasul pada tahun ini, 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah', ia perlu diterapkan kepada semua staf JPP.

Pada majlis itu, Roslee mengalu-alukan kehadiran Timbalan Pendaftar JPP yang baru, Kamisah Husin, ke JPP dengan harapan akan membawa satu perubahan baru kepada jabatan berkenaan.

Beliau berharap Kamisah akan dapat menggunakan pengalaman kerja yang luas untuk memajukan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan.

Pada tahun ini juga Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan telah menerima dua Penolong Jurutera Mekanikal iaitu Halim Sainal dan Nur Izzul Izzuddin Radik.



STAF JPP sedang menandatangani kehadiran perhimpunan JPP